

KOSMO! SABTU 9 OKTOBER 2010

NEGARA!

9

**Demi cinta
sanggup jadi
keldai dadah**

SHAH ALAM - Cinta Internet juga membawa bencana. Demi cinta, seorang wanita warga Filipina sanggup mengikut kehendak teman lelakinya yang dikenali menerusi Internet untuk membawa dadah dalam keadaannya yang sarat mengandungi hasil perhubungan mereka.

Bagaimanapun, dia tidak bernasib baik, apabila ditangkap oleh pihak berkuasa di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang, Oktober tahun lepas.

Semalam wanita itu dijatuhi hukuman penjara dua setengah tahun oleh Mahkamah Tinggi di sini selepas mengaku bersalah melakukan perbuatan itu.

Apa yang lebih menyedihkan tertuduh, Charlene Boholst Zabala, 25, terpaksa melahirkan anaknya di dalam penjara dan teman lelakinya seorang lelaki Afrika telah melarikan diri.

Charlene didakwa membawa masuk dadah jenis kokain seberat 371 gram ke Malaysia melalui pesawat dari Buenos Aires, Argentina ke KLIA ketika transit untuk ke Ho Chi Minh City, Vietnam tanpa kebenaran yang sah.

Wanita itu didakwa melakukan kesalahan itu di kawasan hadapan pintu masuk "G2" Bangunan Satelit, KLIA pada pukul 9 pagi pada 9 Oktober tahun lepas.

Pertuduhan mengikut Seksyen 21(6) Akta Dadah Berbahaya 1952 itu memperuntukkan hukuman denda maksimum RM20,000 atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Dadah itu ditemui dalam kaps lembap yang disembunyikan di dalam sehelai jaket yang diletakkan di dalam beg galas yang dibawa oleh tertuduh.

Dalam rayuan untuk hukuman ringan, peguam K. A. Ramu yang mewakili Charlene berkata, anak guamnya semasa ditangkap sedang mengandung tujuh bulan dan telah melahirkan seorang anak lelaki di dalam penjara yang kini berusia sembilan bulan.

Beliau berkata, anak guamnya telah berkenalan dengan



CHARLENE dibawa ke Mahkamah Tinggi Shah Alam semalam atas tuduhan membawa dadah.

seorang lelaki Afrika bernama "Vincent" melalui Internet dan Vincent kemudian telah menjemput anak guamnya datang ke Malaysia.

"Mereka telah tinggal bersama dan menjalinkan hubungan. Teman lelaki tertuduh kemudian telah mempergunakan tertuduh untuk menghantar dadah ke Vietnam. Walaupun dadah adalah kes yang serius di negara ini, pohon mahkamah menjatuhkan hukuman ringan terhadap tertuduh," katanya.

Timbalan Pendakwa Raya, Ridha Abdah Subri yang mengendalikan pendakwaan berkata, mahkamah perlu mengutamakan kepentingan awam dalam menjatuhkan hukuman kerana kes-kes warga asing ditangkap di KLIA kerana membawa dadah semakin kerap berlaku seperti yang dilaporkan media.

"Tertuduh tahu mengenai dadah itu. Tertuduh memilih untuk membawa dadah itu dalam keadaan dia sedang mengandung," katanya sambil memohon mahkamah menjatuhkan hukuman yang dapat memberi pengajaran bukan sahaja kepada tertuduh tetapi juga kepada bakal pesalah yang lain.

Setelah mempertimbangkan hujahan kedua-dua pihak, Hakim Datuk Siti Mariah Ahmad menjatuhkan hukuman penjara dua setengah tahun ke atas Charlene berkuat kuasa dari tarikh dia ditangkap pada hari kejadian iaitu 9 Oktober tahun lepas. - Bernama